

BAB 2

PENDIDIKAN SEORANG INTELEKTUAL CHINA

Li Dazhao dilahirkan pada akhir era 1880-an. Pada ketika itu, kitaran hidup dinasti Qing sudah hampir ke penghujungnya. Pemberontakan, gerakan reformasi mahupun cubaan revolusi sering berlaku di dalam negara China. Sementara kuasa-kuasa imperialis asing sudah menunjukkan belangnya untuk membahagi-bahagikan habuan di atas bumi China. Semenjak bermulanya Perang Candu Pertama pada tahun 1839, China terjerumus di dalam lembah kehinaan dan ugutan kuasa-kuasa imperialis asing. Penghinaan, huru-hara, dan kemunduran telah mewarnai rupa muka empayar uzur yang semakin kehilangan taringnya itu.¹ Sumber maklumat tentang asal-usul riwayat hidup dan zaman awal Li Dazhao sememangnya amat terhad, memandangkan latar belakang situasi zaman pada dewasa itu yang kacau-bilau. Sehingga kini, dua buah autobiografi ringkas Li Dazhao tetap menjadi sumber rujukan yang paling utama untuk mengetahui zaman awal dan asal-usul keluarga Li Dazhao, iaitu “Autobiografi saya” (Wo de zizhuan) yang ditulis pada tahun 1915 dan “Autobiografi dalam penjara” (Yu zhong zishu) yang ditulisnya pada tahun 1927 sebelum digantung mati.²

Li Dazhao, atau dengan nama lain, Li Shouchang telah dilahirkan di Kampung Daheituo, Daerah Leting, Provinsi Hebei yang merupakan salah satu pusat perkembangan tamadun China yang tertua di bahagian timur laut China, pada 29 Oktober 1889.³ Lokasinya

¹ Susur-galur mengenai perkembangan China semenjak Perang Candu sehingga Gerakan Kebudayaan Baru yang menempuhi pelbagai kesusahan dan penghinaan serta penentangan orang China mendapat liputan yang terperinci di dalam Hu Sheng (diterjemah oleh Dun J. Li), *From the Opium War to the May Fourth Movement*, 2 Jilid (Beijing: Foreign languages Press, 1991).

² Teks penuh “Wo de zizhuan” (Autobiografi saya) dapat dirujuk dalam *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 322. Penulisan ini sebenarnya hasil latihan yang ditulis dalam bahasa Inggeris semasa Li Dazhao menuntut di Universiti Waseda. Teks penuh “Yu zhong zishu” (Autobiografi dalam penjara) pula dapat dirujuk dalam *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 713-719; atau dalam *LDZWJ*, Jilid 5, hlm 235-239. Manuskrip teks ini masih disimpan di Muzium Sejarah Revolusi China.

³ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao) (Shandong: Shandong Renmin Chubanshe, 1998), hlm 7. Tarikh kelahiran Li Dazhao telah banyak menemukan kekeliruan, umpamanya dalam penulisan Li sendiri, “Wo de zizhuan” (Autobiografi saya) telah secara kasarnya mencatatkan bahawa dirinya dilahirkan pada tahun 1890. Maurice McIsner pula menyatakan bahawa, Li Dazhao telah dilahirkan pada 6 Oktober 1888 (Maurice

memang berdekatan dengan ibu negara, Beijing. Wilayah itu termasuk dalam lingkungan kuasa sebagai pusat pemerintahan dinasti Qing dan tapak utama percubaan reformasi pentadbiran yang baru oleh kerajaan Manchu, serta pangkalan kuasa Yuan Shikai dengan angkatan tentera Beiyang, di samping turut merupakan tumpuan pencerobohan imperialis-imperialis asing pada ketika itu.⁴ Perubahan sosio-politik yang drastik itu mempunyai hubungan yang erat dengan perkembangan pemikiran Li Dazhao.

Dalam masa lebih setengah tahun sebelum kelahiran Li Dazhao, iaitu pada 4 Mac 1889, Maharani Dowager Cixi telah secara rasminya mengundurkan diri untuk memberi laluan kepada Maharaja Guangxu untuk mengambil alih semula pemerintahannya. Maharaja Guangxu yang telah dinaikkan takhta sejak Januari 1875 dengan usia empat tahun tidak pernah memegang kuasa dalam erti kata yang sebenar. Maharani Dowager Cixi yang sebenarnya mempraktikkan kuasa negara di sebalik tabir sutera. Memandangkan maharaja telah meningkat dewasa, kuasa pemerintahan terpaksa diserahkan kembali oleh maharani dowager. Tetapi pada hakikatnya, maharaja hanya mengambil alih kuasa pemerintahan secara nominal sahaja. Maharani dowager terus mengawal keadaan malah bertindak untuk membatalkan gerakan reformasi yang dilancarkan oleh maharaja, disebabkan maharani dowager berasa kedudukannya terancam sekiranya reformasi tersebut mencapai kejayaan. Persaingan kuasa di antara maharaja dan maharani dowager itu telah menjahamkan pemerintahan dinasti Qing yang semakin merosot itu dan terus berkekalan sehingga kedua-duanya mangkat pada tahun 1908.

Demikianlah suasana politik di negara China ketika Li Dazhao dilahirkan. Barangkali pergolakan politik tersebut tidak banyak menjaskan hidup tahun-tahun awal Li Dazhao

Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism* {Cambridge: Harvard University Press, 1967}, hlm 1. Pendapat ini memang jauh berbeza daripada kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji di China. Seperti yang tercatat dalam sebuah lagi biografi Li Dazhao, Pasukan Penulisan Biografi Li Dazhao, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1979), hlm 1; dan Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1999), hlm 3, turut bersetuju dengan tarikh yang terpapar dalam Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao).

⁴ Sila rujuk Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 8-11.

secara langsung memandangkan beliau bukan berasal dari keluarga pegawai kerajaan. Beliau dilahirkan di sebuah keluarga petani, yang mendapat sanjungan tinggi daripada orang kampung. Ayahnya, Li Renrong seorang intelektual yang menghidapi penyakit paru-paru dan sentiasa lemah dalam kesakitan. Dalam usia mudanya dua puluh dua tahun, Li Renrong telah meninggal dunia, meninggalkan isterinya dengan Li Dazhao yang masih di dalam kandungan ibunya.

“Dazhao” merupakan nama yang digunakannya selepas meningkat dewasa. Pada zaman kanak-kanaknya, Li Dazhao dinamakan sebagai “Qinian” yang membawa maksud berumur panjang, dengan harapan agar nasibnya berlainan dengan ibubapanya yang meninggal dunia pada usia muda. Li Dazhao lahir dengan nasib keyatiman. Nasib pahitnya belum berakhir apabila ibunya pula meninggalkannya semasa beliau berusia dua tahun. Sejak itu, tanggungjawab mendidik dan membesarkan Li Dazhao itu telah dipikul oleh datuknya, Li Ruzhen. Datuk yang kehilangan kedua-dua anak tunggal dan anak mertua itu sudahpun menjangkau usia enam puluhan. Li Ruzhen seorang saudagar yang berjaya pada zaman mudanya. Namun, beliau tetap berpegang kepada norma masyarakat tradisional yang menyanjung tinggi status golongan terpelajar. Li Ruzhen memberikan pendidikan yang baik kepada anaknya, dan semenjak anaknya meninggal, harapan dan penekanan untuk berjaya dalam pelajaran dan mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan awam agar menceburkan diri dalam arena politik telah ditumpukan ke atas cucunya, Li Dazhao.⁵ Maka, Li yang boleh dikatakan berasal dari golongan kelas pertengahan di kampung, diberikan pendidikan yang terbaik oleh datuknya.

⁵ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 11.

2.1 Dari pendidikan tradisional ke pendidikan moden

Suasana persekitaran di negara China ketika itu tidak tenteram pada hakikatnya. Pada 17 September 1894, kedua-dua angkatan laut China dan Jepun telah bersemuka di Laut Kuning di luar kuala Sungai Yalu. Dengan itu, tercetusnya Perang Sino-Jepun (1894-1895) yang telah mencatatkan rekod yang penting dalam sejarah China moden. Perkembangan perperangan tersebut tidak memihak kepada China. Dalam Februari 1895, setelah menelan ketewasan demi ketewasan dalam siri pertarungan yang bertubi-tubi di laut, akhirnya China mengalami kekalahan yang teruk di atas tangan Jepun. Sebagai akibatnya, Perjanjian Shimonoseki telah ditandatangani pada 17 April 1895, yang antaranya China kehilangan kepentingan di Korea dan kedaulatan di Taiwan, Kepulauan Pescadores dan Semenanjung Liaodong, di samping pembukaan pelabuhan-pelabuhan perjanjian dan pampasan tunai kepada Jepun.⁶ Kekalahan yang aib itu sememangnya telah menghancurkan harapan orang China terhadap usaha “menguatkan diri” yang telah memakan masa selama tiga puluh tahun, dan sekaligus menggegarkan kerajaan Manchu. Kekalahan China itu seolah-olah tidak dapat dielakkan, walaupun beberapa pembaharuan telah dilaksanakan dalam aspek diplomatik, ketenteraan dan teknologi dengan pencapaian yang terhad, tanpa kehadiran transformasi yang seiringan dalam aspek keinstitusian dan semangat. Kemunduran institusi politik dan kelesuan semangat nasionalistik telah dilihat sebagai faktor utama yang mencacatkan usaha modenisasi China menjelang penghujung kurun kesembilanbelas.

Keinginan untuk memahami Barat dalam skop pengetahuan yang lebih luas telah muncul di kalangan intelektual. Selain aspek teknologi ketenteraan dan perindustrian, pengajian tentang keinstitusian politik, sistem-sistem ekonomi, struktur sosial serta pemikiran saintifik dan falsafah telah mendapat perhatian golongan terpelajar. Lantaran itu, kerja

⁶ Untuk huraian lanjut mengenai perkembangan Perang Sino-Jepun dan kesudahan pendamaianya yang berat sebelah, sila rujuk Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China* (New York: Oxford University Press, 2000), hlm 340-342. Menurut gambaran Hsu mengenai perbandingan antara angkatan armada China dan Jepun bahawa, armada China adalah besar, uzur dan perlahan, sementara armada Jepun adalah kecil, baru, dan laju.

penterjemahan penulisan-penulisan Barat sebagai prasyarat untuk usaha reformasi dan renovasi semakin menampakkan kepentingannya.

Yan Fu (1854-1921) yang dilihat sebagai perintis yang “mempelopori satu tuju hala baru dalam usaha China untuk memahami Barat moden”⁷, merupakan salah seorang penterjemah karya Barat yang paling terkemuka dalam sejarah China moden telah menterjemahkan buku Thomas Huxley yang berjudul *Evolution and Ethics* ke dalam versi bahasa Mandarin pada tahun 1896. Edisi terjemahan bahasa Mandarin yang diberi judul sebagai *Teori Evolusi (Tian Yan Lun)* itu telah diperkayakan dengan komentar dan interpretasi Yan Fu sendiri.⁸ Akibat daripada kekalahan dalam Perang Sino-Jepun, buku *Teori Evolusi* yang membincangkan terutamanya teori Darwinisme sosial yang mendukung prinsip “survival bagi yang paling sesuai” serta usaha menguatkan diri dengan pembaharuan masyarakat telah menimbulkan reaksi yang hebat di kalangan intelektual pada ketika itu.⁹

Sejarah China moden, seperti yang diketengahkan oleh Benjamin Schwartz, Sinologis Barat yang terkemuka, adalah suatu proses pencarian “kekayaan dan kekuatan” (*fugiang*) di dalam dilema-dilema yang mengancam kemandirian negara. Justeru itu, di dalam latar belakang sejarah yang sedemikian, kerjaya penterjemahan dan komentar Yan Fu dilihatnya sebagai usaha transvaluasi nilai-nilai tradisional, iaitu usaha untuk memperoleh rahsia sebenar kekayaan dan kekuatan Barat.¹⁰

Rahsia tersebut barangkali tidak ditemui Yan Fu sepanjang hayatnya. Karya-karya terjemahannya belum dapat disebarluaskan ke kampung halaman Li Dazhao yang masih diselubungi persekitaran tradisi lama di sekitar tahun 1896. Li Dazhao yang berusia enam tahun telah dimasukkan ke sekolah swasta di kampungnya untuk mengikuti pelajaran klasik dan sejarah tradisional. Klasik-klasik Konfusianisme telah menjadi sukanan pelajaran yang

⁷ Ibid., hlm 421.

⁸ Salah satu versi terjemahan ini diterbitkan pada tahun 1939: Thomas Huxley (diterjemah oleh Yan Fu), *Tian Yan Lun (Teori Evolusi - Evolution and Ethics)* (Changsha: Shangwu Yinshuguan, 1939).

⁹ Jonathan D. Spence, *The Search for Modern China* (New York · London: W. W. Norton & Company, 1990), hlm 300-301.

¹⁰ Sila rujuk Benjamin Schwartz, *In Search of Wealth and Power: Yen Fu and the West* (Cambridge, Massachusetts: The Belknap Press of Harvard University Press, 1964), hlm 18-21.

utama dalam sekolah swasta kampung. Li Ruzhen telah memilih guru-guru yang berprestij dan sesuai dengan kemajuan pelajaran Li Dazhao, agar dapat menyediakan cucu tunggalnya itu untuk mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam kelak. Sememangnya, prestasi pencapaian pelajaran Li Dazhao sentiasa cemerlang.¹¹ Kemajuan yang pesat dalam pelajaran telah menyediakan Li Dazhao untuk mengambil bahagian dalam peperiksaan awam kerajaan.

Pada tahun 1905, Li Dazhao yang berusia enam belas tahun telah bertolak ke Prefecture Yongpingfu untuk menyertai peperiksaan awam kerajaan. Namun, di tengah-tengah perlangsungan peperiksaan itu, kerajaan pusat Qing telah menyampaikan arahan untuk memansuhkan peperiksaan awam.¹² Pemansuhan peperiksaan awam pada Ogos 1905 ini merupakan salah satu langkah dalam rancangan reformasi pendidikan yang diserasikan dengan satu pakej program reformasi keinstitusian yang melibatkan pengorganisasian semula secara menyeluruh.¹³ Keputusan untuk memansuhkan sistem peperiksaan awam yang diibaratkan oleh Sinologis terkemuka, John King Fairbak sebagai sistem berselirat (*labyrinthine system*)¹⁴, adalah selaras dengan tujuan untuk menerapkan kandungan dan kaedah pembelajaran baru (Barat), agar dapat melahirkan bakat-bakat baru yang mampu menyahut cabaran semasa. Dengan itu, sistem peperiksaan awam yang telah diperaktikkan lebih seribu tahun sebagai piawaian pengambilan pegawai-pegawai kerajaan sepanjang dinasti-dinasti di China telah sampai ke penghujungnya.¹⁵

¹¹ Di bawah tunjuk ajar beberapa guru yang berlainan dari semasa ke semasa, Li Dazhao sentiasa merupakan pelajar yang terbaik. Sila rujuk Pasukan Penulisan Biografi Li Dazhao, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 2-4.

¹² "Yu zhong zishu" (Autobiografi dalam penjara), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 713.

¹³ Maharani Dowager yang mematahkan Gerakan Reformasi "Seratus Hari" 1898 telah mengutarakan hasratnya untuk menjalankan reformasi selepas kebangkitan Pemberontakan Boxer 1900. Untuk huraian lanjut tentang isi kandungan program reformasi tersebut, sila rujuk Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm 410-411.

¹⁴ John King Fairbank, *The Great Chinese Revolution: 1800-1985* (New York: Harper & Row, Publishers, 1986), hlm 31. Menurut Fairbank, sistem peperiksaan ini menghendaki seseorang itu melepassi satu dozen halangan dalam masa dua puluh atau tiga puluh (hlm 27) untuk memunculkan diri sebagai elit dalam pengajian disiplin klasik tersebut. Di dalam buku ini, terdapatnya huraian yang mendalam dan menarik tentang cara pelaksanaan dan perkembangan sistem peperiksaan awam China, sila rujuk hlm 27-32.

¹⁵ Untuk penjelasan mengenai berakhirnya sistem peperiksaan awam dan evolusi pembaharuan sistem pendidikan lewat dinasti Qing, sila rujuk Qian Mu, *Guoshi Dagang* (Ringkasan Sejarah Kebangsaan) (2), *Qian*

Li Dazhao bersama-sama sebahagian calon dalam peperiksaan tersebut yang berprestasi cemerlang telah diterima untuk memasuki Sekolah Menengah Yongpingfu. Atas arahan mendadak daripada kerajaan pusat, jalan akademik Li Dazhao telah bertukar landasan daripada pelajaran klasik kepada sukan moden.

Pengalaman pendidikan moden ala Barat di Sekolah Menengah Yongpingfu bukan sahaja merupakan suatu tempoh masa yang penting dalam proses pembelajaran Li Dazhao, tetapi juga merupakan titik peralihan yang pertama di dalam riwayat hidupnya.¹⁶ Li memulakan pengajian sains dan Inggeris yang asas di situ selama dua tahun. Di sekolah tersebut, sistem pendidikan lama yang bertujuan melayakkan calon sebagai pegawai kerajaan telah diketepikan. Sebaliknya, Li Dazhao perlu mempelajari bahasa orang “barbarian”, iaitu bahasa Inggeris dan pengetahuan sains orang “barbarian” juga. Keadaan itu sememangnya satu pengalaman baru yang telah meletakkan garisan pemisah di antara sistem pendidikan tradisional China dengan sistem pendidikan Barat yang akan melahirkan dua bentuk intelektual yang berlainan.

Dalam tempoh pengajian itu, Li Dazhao bukan sahaja didedahkan dengan pendidikan Barat, tetapi turut mencelikkan matanya terhadap perkembangan semasa dunia dan keadaan sosio-politik dalam negara. Siri peristiwa sejak kekalahan teruk dalam Perang Sino-Jepun, kegagalan Gerakan Reformasi “Seratus Hari” 1898, hingga Pemberontakan Boxer serta kemaraan Imperialisme telah menyedarkan Li Dazhao tentang keperitan nusa dan kesengsaraan bangsanya.

Bukan sahaja corak pendidikan yang diterimanya telah ditransformasikan daripada yang tradisional kepada yang moden, malah resam masyarakat dan pandangan sosial mengenai pergaulan antara kaum lelaki dan wanita serta soal perkahwinan telah mengalami tempoh peralihan dari zaman lama ke zaman baru.

Binsi Xiansheng Quanji (Koleksi Lengkap Guru Qian Binsi), Jilid 28 (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1998), hlm 1009-1014.

¹⁶ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 17-18.

Sungguhpun zaman itu penuh dengan kemasukan pemikiran Barat dan pergolakan politik ala demokratik, Li Dazhao diwatakkan dalam acuan tradisional; begitu juga dengan perkahwinannya. Beliau telah dikahwinkan dengan Zhao Renlan, anak gadis daripada keluarga petani yang berhampiran atas pengaturan datuknya pada tahun 1899. Li Dazhao yang berumur sepuluh tahun pada ketika itu telah berkahwin dengan Zhao Renlan yang hampir berumur enambelas tahun.¹⁷ Sememangnya terdapat resam pada ketika itu yang memperlihatkan anak lelaki muda yang berkahwin dengan wanita yang lebih tua umurnya, namun Li Dazhao yang melangsungkan perkahwinan pada umur sepuluh tahun adalah terlalu muda usianya. Zhao Renlan bukan sahaja telah menjaga hidup sehari-hari Li Dazhao, tetapi juga telah memikul beban saraan hidup seisi keluarga. Dalam tempoh pengajiannya di Sekolah Menengah Yongpingfu, kedua-dua nenek datuknya telah meninggal dunia. Yuran pengajian Li hanya dibiayai dengan hasil sawah peninggalan datuknya dan titik peluh isterinya, Zhao Renlan.¹⁸

Berbeza dengan inteligensia lain yang menghadapi penceraian dalam perkahwinan yang diatur, Li Dazhao telah berkekalan dengan isterinya selama dua puluh lapan tahun, di dalam riwayat hidupnya yang sepanjang tiga puluh lapan tahun. Zhao Renlan sungguhpun pernah belajar dan mampu membaca novel yang mudah bahasanya, namun tahap pelajarannya tetap jauh berbeza dengan Li yang melanjutkan pelajaran ke Jepun dan menjadi profesor di universiti pada hari kemudiannya. Akan tetapi, jurang perbezaan tersebut tidak menghalang Zhao untuk menyokong suaminya dari segi kewangan dan mental bagi melanjutkan pengajian dan menceburkan diri di dalam usaha menyelamatkan negara. Hidup Li Dazhao yang telah mencurahkan seluruh tenaga demi usaha perjuangan reformasi China telah menyebabkan mereka berdua suami isteri sering mengalami perpisahan dari segi ruangan fizikal. Tetapi ini barangkali tidak menjurangkan mereka dari segi kerohanian. Zhao

¹⁷ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 16.

¹⁸ "Yu zhong zishu" (Autobiografi dalam penjara), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 714.

telah menyumbangkan segala usaha untuk menjaga keluarga mereka apabila Li bertungkus-luimus menggerakkan revolusi nasional dan gerakan Komunisme China.

Namun, Li Dazhao dikatakan masih memiliki pendirian patriarchal. Beliau telah memperuntukkan masa yang maksimum untuk pengajian dan kehidupan sosialnya sebagai pemimpin parti politik dan profesor, dengan meletakkan tugas domistik dan beban menyara anak di atas bahu isterinya. Beliau dilihat sebagai tidak dapat menyelaraskan pembahagian peranan gender keluarganya yang tradisional dan mendapat kritikan yang hebat. Masa untuk Zhao Renlan bagi tujuan pembangunan intelektual atau kegiatan sosial telah dieksplorasi, sungguhpun Li Dazhao dipercayai benar-benar mencintai isterinya.¹⁹

Pendeknya, Li Dazhao yang terserlah dengan pengetahuan moden serta tindakan yang radikal dalam mempromosikan idea-idea baru, tetap mengekalkan penghayatan terhadap resam ikatan kekeluargaan yang menjadi lumrah masyarakat tradisional. Inilah yang juga menonjolkan perwatakan beliau sebagai salah satu personaliti yang menjalinkan transformasi zaman tradisional ke dalam era moden di China.

2.2 Enam tahun di Kolej Sains Politik dan Undang-undang Beiyang

Penerokaan awal di Sekolah Menengah Yongpingfu telah menyedarkan Li Dazhao mengenai kemunduran bangsanya. Benih-benih patriotisme sudah tersemai dalam sanubari Li Dazhao. Memandangkan keadaan dalam negeri yang tenat dan mendesak, beliau berasa tidak ternanti untuk mendalami ilmu politik, demi mencari penyelesaian yang bernalas untuk menyelamat dan meninggikan semangat rumpun bangsanya. Dengan itu, beliau menguatkan

¹⁹ Sila rujuk Christina Kelley Gilmartin, *Engendering the Chinese Revolution: Radical Women, Communist Politics, and Mass Movements in the 1920s* (Berkely · Los Angeles · London: University of California Press, 1995), hlm 109-111.

azam untuk mengambil peperiksaan kelayakan supaya dapat memasuki Kolej Sains Politik dan Undang-undang Beiyang di Tianjin.²⁰

Li Dazhao mula menceburkan diri dalam gerakan politik setelah memasuki Kolej Sains Politik dan Undang-undang Beiyang. Beliau telah menyertai permogokan untuk meminta kerajaan Manchu menggubal perlembagaan dan membentuk parlimen. Sungguhpun pemahamannya terhadap prinsip demokrasi adalah amat sedikit pada ketika itu, namun beliau cuba mengkaji sistem politik dan perundangan barat dan meneliti kemungkinan mengaplikasi sistem-sistem itu ke dalam kehidupan China, memandangkan kemunduran sistem politik di tanahair.

Penubuhan kolej yang berasaskan kaedah pengajaran model Jepun tersebut selaras dengan polisi pemodenan pendidikan awam bagi menyokong dasar reformasi pentadbiran yang dirancang oleh kerajaan Qing semenjak awal tahun 1901.²¹ Pihak kerajaan pusat menekankan pendidikan politik dan perundangan sebagai respons kepada arus perubahan politik dari dalam dan luar negara pada ketika itu. Dengan arahan terus daripada kerajaan pusat, Kolej Sains Politik dan Undang-undang Beiyang ditubuhkan secara rasmi sebagai sekolah khas untuk pelajaran politik dan perundangan yang pertama di bawah pengelolaan kerajaan. Pembelajaran bahasa asing telah menjadi tumpuan penting agar menyediakan graduannya, khususnya mereka yang mencapai keputusan cemerlang untuk melanjutkan pelajaran ke negara asing dengan pembiayaan kerajaan.²²

Li Dazhao telah lulus dalam peperiksaan kelayakan dalam pengambilan pelajar kali pertama pada bulan Julai 1907. Namun, beliau menghadapi masalah kesempitan kewangan untuk membiayai yuran pengajiannya.²³ Walau bagaimanapun, atas ikhtiar isterinya, masalah kewangan itu dapat diatasi. Li Dazhao dapat memulakan hidup pengajiannya yang selama

²⁰ “Yu zhong zishu” (Autobiografi dalam penjara), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 714.

²¹ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 19.

²² Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 20-21.

²³ Ibid., hlm 21. Jumlah yuran pengajian di kolej tersebut memakan kos sebanyak 120 *yuan* setahun.

enam tahun di Tianjin mulai 2 September 1907 bagi mempelajari ekonomi politik serta bahasa Jepun dan Inggeris.²⁴

Menurut memoir seorang rakan di Kolej Sains Politik dan Undang-undang Beiyang, Li Dazhao merupakan pelajar sesi kemasukan yang kedua selepas penubuhan kolej tersebut. Li sesungguhnya terserlah di kolej dengan pengasasan majalah *Yanzhi*. Beliau terkenal sebagai pelajar yang paling handal dalam penulisan di kalangan rakan-rakan sesi kemasukan tersebut. Pada akhir pengajian mereka, tiga orang graduan dipilih untuk dihantar ke Jepun bagi melanjutkan pelajaran, dengan Li Dazhao sebagai salah seorang di antara ketiga-tiga orang yang terpilih itu.²⁵

Hidup selepas memasuki Kolej Sains Politik dan Undang-undang Beiyang tidak sentiasa dalam ketenteraman. Sebaliknya, Li Dazhao sering diserang kerunsingan atas rinduan terhadap anak bini yang kemiskinan di kampung halaman. Di samping masalah peribadi, beliau turut berasa kebimbangan terhadap suasana masyarakat semasa yang sentiasa dibanjiri kesengsaraan.²⁶ Dalam dua rangkap sajak karangan Li Dazhao pada ketika itu, beliau telah meluahkan rasa keperitannya terhadap nasib negara yang ditimpa penghinaan dan kekecewaan yang disebabkan oleh kebuntuan yang dihadapinya dalam cita-cita untuk membela nasib bangsanya.²⁷

Pengalaman di Kolej Sains Politik dan Undang-undang Beiyang telah meninggalkan pengaruh yang kompleks dan mendalam, baik yang pasif mahupun yang pro-aktif ke atas proses perkembangan intelektual Li Dazhao. Malahan, tempoh tersebut turut dilihat sebagai tempoh peningkatan pemahaman Li Dazhao terhadap realiti sosio-politik di China serta era pembentukan pandangan dunia Li Dazhao yang telah menyediakan Li untuk menceburkan

²⁴ Ibid..

²⁵ Yu Shude, "Wo suo zhidao de Li Dazhao tongzhi" (Komrad Li Dazhao yang saya kenali), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 23.

²⁶ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 22.

²⁷ "Deng Lou zagan" (Perasaan naik ke kamar), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 623-624.

diri dalam kerjaya reformasi masyarakat China.²⁸ Tianjin merupakan tempat percambahan idea bagi Gerakan Reformasi 1898. Segala perubahan fenomena politik yang berlaku di Beijing, dengan pantas akan dirasai di bandar pelabuhan yang berdekatan itu. Maka, tidak mustahil bahawa Li Dazhao turut mengecapi desakan reformasi yang melanda pada masa itu.

2.3 Di sekitar Revolusi 1911

Tahun 1911 dan 1912 merupakan tempoh transformasi yang penting dalam sejarah China moden.²⁹ Masalah yang muncul di hadapan orang China selepas kekalahan di tangan Jepun pada tahun 1895 adalah bagaimana untuk menyelamatkan negara daripada ancaman imperialisme asing dan keruntuhan pemerintahan dinasti. Dua gerakan politik yang utama telah mengambil tempat untuk mengatasi masalah tersebut dengan pendekatan yang berlainan. Satunya ialah Reformasi 1898 yang bersifat progresif secara beransur-ansur, pimpinan Kang Youwei (1858-1927). Satu lagi pula gerakan revolucioner yang dipimpin oleh Sun Yat-sen (Sun Zhongshan, 1866-1925) yang bertekad untuk menggulingkan pemerintahan dinasti Qing. Denyutan nadi revolusi menjadi semakin deras. Sepuluh pemberontakan telah dilancarkan di antara tahun 1906 dan 1911, yang kesemuanya tidak berjaya mendatangkan hasil.³⁰ Akan tetapi, gerakan yang dikepalai oleh bapa Revolusi China itu semakin memperoleh

²⁸ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 31-37.

²⁹ Menurut Hao Chang (Zhang Hao), dalam artikelnya, "Zhongguo jindai sixiangshi de zhuanxing shidai" (Zaman transformasi dalam sejarah intelektual moden China). *Ershiyi Shiji* (Dwibulan Abad Keduapuluh satu), April 1999 (Keluaran Ke-52), menyatakan bahawa, zaman transformasi yang dimaksudkan itu, merujuk kepada tahun-tahun dari 1895 hingga 1920 yang merangkumi kira-kira masa dua puluh lima tahun, yang merupakan zaman yang menentukan peralihan pemikiran dan budaya China daripada tradisional kepada moden. Dapat dilihat bahawa tahun 1911 dan 1912 merupakan kekunci yang menghubungkan kesinambungan dari Gerakan Reformasi Seratus Hari (1898) ke Gerakan Empat Mei (1919). Zhang Yuwa bersetuju dengan penetapan tahun 1911 sebagai permulaan sejarah China moden; Zhang Yuwa, "Xiandai Zhongguoshi de fengqi wenti" (Masalah pembahagian fasa sejarah China moden), Zhang Yuwa (penyunting), *Zhongguo Xiandaishi Lunji* (Koleksi Ulasan Sejarah Modern China), Jilid 1 (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1980), hlm 13-17.

³⁰ Sila rujuk Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm 465.

momentumnya berkat sokongan padu daripada para intelektual muda, persatuan-persatuan sulit dan komuniti-komuniti China seberang laut yang semakin bertambah kukuh, selepas menghadapi kegagalan yang bertubi-tubi.

Riwayat dinasti Qing telah sampai ke penghujungnya. Kebangkitan di Wuchang yang merupakan cubaan kesebelas telah meletus secara mendadak, malah di luar dugaan pada 10 Oktober 1911. Pada masa yang sama, provinsi demi provinsi telah mengisyiharkan kemerdekaan mereka. Dalam masa satu bulan setengah, limabelas provinsi atau dua pertiga daripada keseluruhannya di China telah menarik diri daripada dinasti Qing.³¹ Nasib rejim pemerintahan monarki mutlak itu tidak dapat dikenalkan lagi. Keruntuhan dinasti tradisional itu disahkan berikutan dengan perlucutan maharaja Puyi dari takhta kerajaan pada 12 Februari 1912. Ini diikuti oleh penubuhan Republik China, sebuah negara moden yang diterajui dengan sistem politik yang diserap dari Barat, yang menggantikan sistem pemerintahan tradisional China yang telah dipraktikkan selama lebih dua ribu tahun.

Barangkali benar dan tepat pandangan John King Fairbank, bahawa “Revolusi 1911 pada asasnya satu kegagalan, bukannya satu penciptaan. Monarki Qing sudah tamat hayatnya, dan masalah utama adalah bagaimana untuk menanamnya, dan apa yang boleh diambil untuk menggantikan tempatnya.”³² Walaupun sistem demokrasi berperlembagaan telah diadaptasi dengan kerajaan pusat dipimpin oleh seorang presiden, tetapi seperti yang dipersoalkan oleh Fairbank bahawa, “Siapa atau apa yang akan menggantikan tempat Anak Syurga dan kerajaan berdinasti?”³³ Dengan nyata, rakyat pelbagai lapisan tidak dapat mentransformasikan diri agar mencapai keserasian dengan situasi baru dalam sekilip mata. Masalah China terus kekal, malah timbul masalah sosio-politik yang baru di dalam Republik China itu pada tempoh peralihan zaman tersebut.

³¹ Ibid., 469.

³² John King Fairbank, *The Great Chinese Revolution: 1800-1985*, hlm 161.

³³ Ibid., hlm 163.

Dalam detik peralihan itu, Li Dazhao masih seorang pemuda di bangku sekolah, tetapi tidak ketinggalan dalam memainkan peranan yang perintis dalam arena sosio-politik. Pentas pertama yang membolehkan Li Dazhao melantangkan suara membina semula bangsa untuk negaranya yang muda itu adalah menerusi penglibatannya dalam Persatuan Kolej Sains Politik dan Undang-undang Beiyang serta mengetuai penyuntingan majalah persatuan itu, bulanan *Yanzhi Yuekan*.³⁴

Li Dazhao telah mengemukakan dua rencana dengan judul “Kebimbangan” (Yinyou pian) dan “Kesedihan besar” (Da ai pian), yang boleh dianggap sebagai rencana “deklarasi pandangan politik” beliau.³⁵ Dalam rencana “Kebimbangan” yang ditulisnya pada Jun 1912, beliau dalam pendahuluan rencana tersebut telah menyatakan bahawa:

Asas negara masih belum kukuh, sistem-sistem negara memperlihatkan kekacauan yang pelbagai. Semenjak penubuhan kerajaan bersatu sehingga sekarang, orang ramai sentiasa bimbang, dan mengharapkan para bijaksana dapat membelakangkan pandangan yang bercanggah dan menyumbangkan tenaga serta mengembangkan usaha untuk tujuan pembangunan negara. Memandangkan negara kita menghadapi masalah pertahanan yang serius, kita harus berani mengharungi rintangan ini dan jangan memandang ringan masalah ini.³⁶

Rencana pertama ini mencerminkan kebimbangannya terhadap dilema yang dihadapi oleh negaranya. Beliau telah menggariskan enam bentuk dilema yang menghantui masa depan Republik China yang baru terbentuk: iaitu pertahanan sempadan negara, kekurangan tenaga tentera, kesempitan sumber kewangan, kebuluran, kelembapan ekonomi dan kekurangan tenaga manusia yang berguna. Untuk mengatasi enam masalah ini, beliau berpendapat bahawa langkah-langkah tegas perlu diambil untuk membanteras penyelewengan yang terjadi di atas parti-parti politik, kuasa-kuasa tempatan di provinsi-provinsi, dan pemberontakan lanun dan kumpulan-kumpulan gelap.³⁷ Beliau meminta para cendekiawan

³⁴ Majalah ini telah menerbitkan keluaran pertama pada 1 April 1913, dan seterusnya menerbitkan sebanyak 6 keluaran dalam masa setengah tahun. Untuk penjelasan yang lebih lanjut mengenai majalah berkenaan, sila merujuk Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 34-35; dan Zhu Chengjia. *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 33.

³⁵ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 35.

³⁶ “Yinyou pian” (Kebimbangan), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 601.

³⁷ Ibid., hlm 601-604.

untuk mengikhtiaran jalan keluar bagi membendung ketiga-tiga punca dilema negara tersebut dengan nada yang cukup gelisah.

Rencana yang kedua pula memaparkan kepuluannya mengenai nasib malang rakyat jelata. Dalam rencana “Kesedihan besar” ini, beliau mengkritik mereka yang berkuasa tidak berhasrat untuk menjaga kebijakan rakyat umum, sebaliknya dengan bersandarkan nama “republik” yang sepatutnya menegakkan kebebasan, telah membentuk parti-parti politik dengan mengumpulkan anak-anak buah sendiri, dan membina kekuatan diri menerusi nepotisme. Beliau mengkritik keras panglima-panglima hulubalang dengan memiliki kekuatan ketenteraan yang ada, telah bertindak menentang kerajaan pusat, di samping mengancam ketenteraman rakyat jelata:

Sebelum Revolusi 1911, kesengsaraan rakyat hanya disebabkan oleh seorang maharaja yang diktatorial; selepas revolusi, rakyat umum diancam oleh berpuluh-puluh panglima hulubalang yang diktatorial. Dahulu kala cuma seorang pemerintah diktatorial di negara ini, sekarang setiap provinsi ada seorang panglima hulubalang yang diktatorial. Kezaliman maharaja yang diktatorial tidak semestinya setanding dengan kezaliman panglima-panglima yang diktatorial sekarang. Kekuasaannya telah diagih-agihkan ke merata tempat di provinsi-provinsi, maka kesengsaraan yang menimba rakyat itu kurang. Sebaliknya kezaliman panglima-panglima hulubalang kini tertumpu pada satu provinsi, maka kesengsaraan rakyat adalah lebih berat. Justeru, nikmat yang dikatakan sebagai hak-hak rakyat itu telah diraut oleh golongan hulubalang ini demi kepentingan sendiri. Apakah pula yang ada pada rakyat?³⁸

Namun, Li Dazhao bukan menyanjung tinggi pemerintahan autoritarian di bawah monarki mutlak sebelum Revolusi 1911. Beliau hanya bertujuan mencerminkan kesengsaraan hidup rakyat jelata selepas revolusi, dan menyedarkan masyarakat umum tentang kebenaran yang sepatutnya terkandung dalam doktrin-doktrin demokrasi dan pembentukan negara republikan. Sebaliknya, beliau mengutuk keras pemerintahan autoritarian monarki mutlak China yang diturunkan ribuan tahun. Penyelewengan yang berlaku dan kerakusan parti-parti politik di China dilihatnya sebagai pengaruh negatif daripada pemerintahan diktatorial tradisional China. Pemerasan parti-parti politik dan penindasan gabenor-gabenor hulubalang

³⁸ “Da ai pian” (Kesedihan besar). *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 552.

telah menyebabkan rakyat jelata terjebak dalam kesengsaraan autokrasi yang lebih dahsyat. Justeru itu, rakyat umum perlu disedarkan tentang hak-hak dan kewajipan mereka sebagai rakyat dalam sebuah negara yang moden.

Kedua-dua rencana tersebut merupakan pandangan awal Li Dazhao terhadap perkembangan politik di China dengan kritikannya kepada pelaksanaan pemerintahan demokrasi republikan yang sudah terpesong haluannya dan bidasan keras ke atas penyelewengan kuasa gabenor-gabenor hulubalang tentera. Dengan gaya persempahan yang mendebar, Li Dazhao seperti intelektual tradisional China semenjak turun-temurun, dengan sepenuh hati mencurahkan keprihatinannya terhadap kesengsaraan hidup rakyat. Keamanan negara dan kebahagiaan rakyat telah menjadi titik tolak kepada Li Dazhao untuk memberi pandangan terhadap keadaan politik dalam negara.

Perkembangan dalam negara selepas Revolusi 1911 sememangnya telah menghamparkan Li Dazhao.³⁹ Kebangkitan Yuan Shikai sebagai Presiden Republik China menggalakkan penyelewengan birokratik dan ancaman “*warlordism*”. Li Dazhao mengeluarkan keluhannya terhadap lenyapnya kuasa rakyat. Beliau berpendapat bahawa, rakyat jelata tidak bimbang akan tiadanya sistem politik yang dapat menjaga hak mereka, tetapi bimbang akan hilangnya kemampuan untuk menikmati hak-hak mereka.⁴⁰ Demi membina kemampuan yang cukup agar dapat membela dan menikmati hak-hak asasi rakyat sendiri, Li Dazhao menyeru agar golongan elit dengan berbekalkan semangat perjuangan seperti yang dipaparkan dalam gerakan revolusi, berusaha membangunkan pendidikan untuk rakyat jelata. Beliau menegaskan kepentingan pendidikan sebagai asas pembinaan bangsa dan negara. Beliau percaya bahawa dengan usaha pendidikan yang berkesan, masyarakat umum akan menikmati kejayaannya dalam masa sepuluh tahun. Apabila kekuatan rakyat terbina

³⁹ Qian Mu menyatakan dalam penulisannya, *Guoshi Dagang* (Ringkasan Sejarah Kebangsaan) (2), hlm 1023, bahawa “pemberontakan tentera dan rusuhan dalaman yang berterusan, merupakan satu-satunya fenomena sosial yang paling kerap terjadi semenjak pengasasan Republik China”.

⁴⁰ “Lun minquan zhi pangluo” (Membincangkan kelepasan hak rakyat), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 597.

daripada pendidikan, maka hak-hak rakyat akan kembali kepada rakyat dengan sendirinya, tanpa perjuangan secara kekerasan.⁴¹

Di samping menggesa agar rakyat jelata membina kekuatan sendiri menerusi pendidikan, Li Dazhao tidak terhenti-henti mengkritik kelemahan republik yang baru dibentuk dan golongan panglima hulubalang yang dilihatnya sebagai penghalang utama kepada pembentukan republik yang progresif. Li sedih melihat pembentukan republik hanya tinggalkan nama, tetapi rakyat tidak memperoleh sebarang kebahagiaan.⁴² Beliau berkeluh-kesah, “kononnya pemerintahan itu dipegang oleh rakyat, (tetapi sebenarnya) autokrasi ada pada segelintir penjahat, bukannya pemerintahan yang dikuasai oleh rakyat. Hak rakyat dicuri dan kebahagiaan rakyat dirampas.”⁴³

Li Dazhao umpamakan birokrat dan panglima-panglima hulubang yang mencabul hak dan kebahagiaan rakyat sebagai perompak.⁴⁴ Di samping mengkritik mereka itu memanipulasikan hak dan amanah rakyat untuk kepentingan diri, beliau giat dalam menghulurkan pandangan dalam pembentukan sistem politik yang berkesan. Li telah membentangkan hujahnya tentang baik buruknya pihak autoriti penggubalan perlembagaan kerajaan Beijing dalam menentukan sistem parlimen satu dewan atau dua dewan, serta memberi pandangan terhadap pengisytiharan perlembagaan dan pengundian presiden, berpandukan amalan di negara-negara Barat.⁴⁵

Pada pandangan Li, untuk membendung penyelewengan semasa, yang pertama, perlu merombak semula pentadbiran birokrasi. *Dudu*, atau gabenor (yang sebelumnya merupakan panglima-panglima hulubalang) telah menjadi penghalang utama kepada pemusatan kuasa kerajaan Nasionalis. Masalah ini berserta dengan soal pembahagian kuasa kerajaan tempatan

⁴¹ Ibid., hlm 600.

⁴² “Da ai pian” (Kesedihan besar), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 551. “Gonghe” (republik) membawa maksud “mesra dan erat bersama”, namun bagi Li Dazhao, ia tidak membawa makna yang sewajarnya kepada hidup rakyat.

⁴³ Ibid., hlm 553.

⁴⁴ “Lun minquan zhi pangluo” (Membincangkan kelesapan hak rakyat), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 597.

⁴⁵ Sila rujuk *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 614-617, 628-632, 633-637, dan 643-647.

dan kerajaan pusat masih belum mencapai penyelesaiannya menjelang awal tahun 1913.⁴⁶

Beliau dalam rencananya, “Cadangan melucutkan gabenor” (Cai dudu hengyi) telah menjelaskan sebab-sebab perlunya melucutkan gabenor-gabenor militer, masa peluang yang sesuai untuk melucutkan mereka, cara pelaksanaan dan tindakan susulannya.⁴⁷ Keduanya, pentadbiran negara perlu diamanahkan kepada orang yang berkaliber dan mementingkan kebajikan rakyat. Ini kerana asas untuk mempertingkatkankekayaan dan kekuatan bagi sesebuah negara tidak terpesong dari strategi membangunkan pertanian, menggalakkan perdagangan dan memanfaatkan pertukangan.⁴⁸ Ketiga, pendidikan rakyat merupakan batu asas kepada pembangunan negara. Usaha tersebut perlu dipergiatkan demi mempertingkatkan kesedaran sivil dan mencelikkan mata rakyat keseluruhannya. Justeru itu, kekuatan rakyat dapat diperkuuhkan, maka hak dan kuasa akan kembali kepada rakyat dengan sendirinya.⁴⁹

Semua ini memang gambaran yang tepat mengenai realiti politik pada awal penubuhan Republik China. Golongan revolucioner pada ketika itu berkeluh bahawa, revolusi dilancarkan “dengan ganjaran wang dan darah yang tidak terhitung, malangnya terbeli republik yang palsu”.⁵⁰ Mereka melihat Revolusi 1911 sebagai menjatuhkan maharaja Manchu tetapi mengundang pula maharaja-maharaja kecil yang tidak terbilang jumlahnya. Penyelewengan politik yang berlaku pada dewasa yang penuh dengan kekuasaan gabenor-gabenor tentera itu adalah lebih serius daripada zaman akhir dinasti Qing. Ketidakhadiran asas psikologi sosial dan pengetahuan sivik di kalangan rakyat jelata, yang rata-rata terdiri daripada golongan petani yang buta huruf merumitkan usaha pembangunan dan pelaksanaan politik demokrasi di China. Namun, bagi golongan intelektual muda seperti

⁴⁶ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 41.

⁴⁷ “Cai dudu hengyi” (Cadangan melucutkan gabenor), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 587-596. Gabenor-gabenor ini merujuk kepada pemimpin hulubalang-hulubalang yang memegang kuasa militer dengan tentera yang banyak. Demi memulihkan keamanan, Li berpendapat gabenor militer ini mestil dimansuhkan dan merombak semula barisan pasukan polis di seluruh negara bagi mengekalkan ketenteraman.

⁴⁸ “Da ai pian” (Kesedihan besar), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 552-553.

⁴⁹ “Lun minquan zhi pangluo” (Membincangkan kelesapan hak rakyat), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 600.

⁵⁰ Feng Chongyi, *Nongmin Yishi yu Zhongguo* (Kesedaran Petani dengan China) (Hong Kong: Zhonghua Shuju, 1989), hlm 131.

Li Dazhao yang berhasrat membawa kesedaran kepada masyarakat umum menerusi penulisan mereka, obligasi ini tetap perlu dipikul tanpa mengenal penat.

Ketika mengemukakan pandangan dan cadangan berkenaan, Li Dazhao hanya berumur dua puluh empat tahun. Memandangkan keadaan sosio-politik negara yang semakin tenat, beliau terus berusaha bagi mencari ikhtiar untuk menyelamatkan bangsanya dan membangunkan negara yang telah dihancurkan oleh senjata imperialis dan padahan buruk “warlordism” dan penyelewengan golongan birokrat. Malapetaka yang terjadi ke atas negaranya yang kuno itu yang seolah-olah tiada kesudahannya, tidak memutuskan harapan Li Dazhao, tetapi sebaliknya telah menyemarakkan lagi semangat patriotiknya. Menurutnya, dengan bertambah majunya penguasaan pengetahuan politik, keazamannya untuk membangun semula negara China semakin memuncak.⁵¹ Dapat kita bayangkan bahawa, aspirasi untuk membina semula bangsa dan negara sentiasa membara dan berkembang dalam hati Li Dazhao sepanjang tempoh pengajiannya di Tianjin itu.

Pada Julai 1913, Li Dazhao menamatkan pelajarannya selama enam tahun di Kolej Sains Politik dan Undang-undang Beiyang.⁵² Pengalaman pelajaran di Tianjin itu bukan sesuatu yang senang dan menyeronokkan. Dalam imbasan Li Dazhao, keadaan keluarganya sepanjang tempoh pengajian itu, sentiasa dalam kesempitan wang, selepas pemergian datuknya. Yuran pengajian selama enam tahun itu adalah dibiayai atas ikhtiar susah payah oleh isterinya.⁵³ Namun, atas perasaan bahawa dirinya masih kebutaan ilmu, dengan bantuan daripada sahabat, Li Dazhao mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke Tokyo, Jepun.⁵⁴

⁵¹ “Yu zhong zishu” (Autobiografi dalam penjara), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 713-714.

⁵² Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 38.

⁵³ “Yu zhong zishu” (Autobiografi dalam penjara), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 714.

⁵⁴ Ibid.. Sahabat yang dimaksudkan oleh Li Dazhao, yang telah menghulurkan bantuan dari segi kewangan itu ialah Sun Hongyi dan Tang Hualong.

2.4 Penjelajahan ke Jepun

Orang Jepun itu bertindak angkuh, bermaharajarela di wilayah China, mengancam nyawa elit-elit kita, ... Semoga anak-anak kita, jangan lupakan penghinaan yang melangit ini, sentiasa menentang Jepun.⁵⁵

Demikianlah kegeraman Li Dazhao apabila mendapati tentera imperialis Jepun yang kejam telah melakukan pembunuhan pada 11 September 1913, lalu dicatatnya peristiwa pahit ini. Kemaraan Imperialisme Jepun semakin menjadi-jadi. Li Dazhao telah banyak menulis rencana untuk mengkritik Jepun, di samping menyeru agar rakyat China bangkit menentang kekerasan asing itu. Bermula dari April 1913 hingga November 1913, Li Dazhao telah mengemukakan dua puluh tujuh buah sajak dan eseи.⁵⁶ Karya-karya ini telah melaungkan semangat patriotisme dan azam membina bangsa yang kuat. Namun, keadaan dalam semasa yang begitu tenat telah menghamparkan Li Dazhao. Beliau berpandangan untuk menimba ilmu di luar negara demi mengikhtiaran jalan keluar bagi tanah airnya yang sakit tenat itu.

Negara China pada awal kurun keduapuluh itu disebabkan oleh kelesuan politik dan kelembapan ekonomi telah mengakibatkan kedaulatannya sentiasa diancam oleh kuasa-kuasa imperialis asing. Namun, kelemahan dan kemunduran China ini juga telah mencelikkan mata orang China untuk mengenali dunia moden ini, dan sedar akan kedudukan sendiri di persada dunia. Di samping itu, muncul pula satu fenomena yang unik di mana orang China sentiasa terpaksa untuk mempelajari pendekatan-pendekatan untuk mencapai kemakmuran ekonomi dan kemantapan politik daripada kuasa-kuasa imperialis yang menceroboh dan mengancam China. Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Jerman mahupun Jepun telah menjadi destinasi-destinasi utama bagi misi penjelajahan akademik oleh para pelajar muda dari China. Ribuan penuntut China telah merantau ke tanah asing dengan hasrat untuk mempelajari ilmu

⁵⁵ “You Jieshishan zaji” (Catatan tentang lawatan ke Gunung Jieshi), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 659.

⁵⁶ Pasukan Penulisan Biografi Li Dazhao, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 13.

moden dan teknologi canggih orang asing, demi memberi sumbangan kepada modenisasi China.

Didorong oleh suasana politik dalam yang menghampaskan, Li Dazhao yang penuh dengan kerunsingan intelektual telah berlepas ke Jepun, dengan berbekalkan harapan mengkaji masalah sosioekonomi dan membawa pulang langkah penyelesaian untuk membangunkan China. Dalam bulan Januari 1914, Li Dazhao bertolak ke Jepun.⁵⁷

Kebangkitan Jepun menerusi Pembaharuan Meiji amat mengagumkan. Dalam masa lebih kurang tiga puluh tahun, Jepun telah muncul sebagai satu kuasa ekonomi dan ketenteraan yang tersergam megah di rantau Asia Timur. Jepun telah berjaya mengadaptasi sains dan teknologi serta ilmu pengetahuan moden Barat, dan seterusnya mentransformasikan Jepun menjadi sebuah negara moden yang penuh dinamik. Lokasi geografi yang berhampiran, dengan budaya tradisional dan bahasa yang serupa, telah menjadi faktor penting yang mendorong kepada penuntut-penuntut China untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun. Sesungguhnya, Jepun telah menjadi sumber pemikiran dan falsafah moden yang utama bagi para reformis dan revolusionis China. Perlu diingatkan bahawa, sungguhpun pelajar China yang menuntut di Jepun telah mencatatkan jumlah bilangan yang terbesar di antara pelajar di negara-negara asing semenjak tahun 1903, namun negara China dalam kurun-kurun terdekat ini hanya buat pertama kalinya menghantar pelajar ke Jepun pada tahun 1896, iaitu selepas Perang Sino-Jepun 1894-1895.⁵⁸ Pelajar kumpulan pertama yang dihantar secara rasmi ke Jepun tersebut adalah lewat lebih dua puluh tahun daripada kumpulan pertama yang dihantar ke Amerika Syarikat, pada tahun 1872.⁵⁹

⁵⁷ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 72. Menurut Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Moden), hlm 50; Li Dazhao bertolak ke Jepun pada awal tahun 1914, dan mempunyai masa persediaan selama kira-kira satu semester sebelum memasuki Universiti Waseda secara rasmi pada September 1914.

⁵⁸ Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China* (Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1960), hlm 31.

⁵⁹ Sila rujuk Huang Fu-ch'ing (diterjemah oleh Katherine P. K. Whitaker), *Chinese Students in Japan in the Late Ch'ing Period* (Tokyo: The Centre for East Asian Cultural Studies, 1982), hlm 1.

Di samping itu, Jepun turut menjadi salah sebuah negara imperialis yang paling banyak mengancam negara China dengan meninggalkan impak yang paling besar semenjak era 1890-an. Sungguhpun China telah kalah dengan aibnya dalam Perang Sino-Jepun (1894-1895), Jepun tetap menjadi inspirasi intelektual China sebagai negara Asia yang mampu menegah kemaraan kuasa barat dengan mengalahkan kuasa militeri Eropah yang raksasa, Rusia pada tahun 1905. Mengikut kajian, para intelektual China yang menuntut di Jepun secara keseluruhannya telah lebih banyak menerima pengaruh militarist, sosialis dan nasionalis berbanding dengan pelajar di negara-negara yang lain.⁶⁰

Dengan latar sejarah yang sebegini, sememangnya penjelajahan Li Dazhao ke Jepun diselubungi oleh rasa yang serba salah. Beliau begitu masak dengan sejarah pencerobohan Jepun ke tanah China. Beliau begitu sedar akan muslihat Jepun untuk menduduki wilayah China dan bercampur tangan ke atas pentadbiran China menerusi perjanjian-perjanjian yang tidak adil. Dalam perjalannya ke Jepun, kapal belayar merentasi Laut Kuning yang menjadi persada pertarungan Perang Sino-Jepun. Li Dazhao mengeluh:

Dalam pencarian imbasan tinggalan-tinggalan sejarah kekalahan Perang Sino-Jepun, segalanya telah ditenggelami ombak sehingga tidak dapat ditemui. Namun, masih kedengaran tangisan ombak dengan deru-derau yang menghibakan, air laut sentiasa mengalir menghala ke timur, seolah-olah ada roh-roh yang mengorbankan diri demi kedaulatan negara yang telah memendam dendam kesumat di dalamnya.⁶¹

Rasa kecewa akan kemunduran tanah air dan semangat ingin menyelamatkan negara yang berbau patriotik dan nasionalistik membara di hati Li Dazhao. Orang Jepun sememangnya satu bangsa yang begitu megah dan terserlah dengan identiti nasionalistik mereka. Sentimen nasionalistik dan anti kuasa asing telah dipupuk dalam penerokaannya di Jepun. Persekutaran di Jepun telah menjadi faktor penting dalam penjanaan semangat nasionalistik Li Dazhao.⁶²

⁶⁰ Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 35.

⁶¹ Pasukan Penulisan Biografi Li Dazhao, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 13-14.

⁶² Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 15.

Universiti Waseda merupakan salah sebuah universiti yang termasyhur di Jepun pada masa itu. Prestijnya adalah lebih tinggi lagi dalam ingatan orang China disebabkan universiti ini telah banyak memberi sumbangan dalam mendidik pelajar dari China. Ramai tokoh yang menyerlahkan diri dalam sejarah kontemporari China telah menerima pendidikan dari Universiti Waseda ini.⁶³

Li Dazhao telah secara rasmi memulakan pengajiannya dalam jurusan ekonomi politik di Universiti Waseda pada September 1914. Di Waseda, Li telah disediakan tempat penginapan di bangunan hostel penuntut-penuntut China YMCA, dan mengikuti kelas bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh Arthur G. Robinson, seorang pembantu Amerika di YMCA.⁶⁴ Dalam masa hampir tiga tahun beliau menuntut di Jepun, pelajaran di situ telah memudahkan beliau mengkaji teori-teori sosio-politik Barat. Menurut Maurice Meisner, salah seorang pengkaji Li Dazhao dan Komunisme China yang terpenting, kecenderungan Li adalah lebih kepada politik daripada akademik, dan beliau melihat dirinya sebagai seorang yang dibuang negeri, di samping sebagai seorang pelajar.⁶⁵ Namun, di sebalik kekecewaan terhadap realiti politik China, Li Dazhao memang sedar akan tanggungjawabnya dalam penjelajahan ke Jepun. Dalam satu rencana yang ditulisnya pada tahun 1914 semasa menuntut di Jepun, Li Dazhao mengatakan bahawa:

Kini, kemampuan kita sudah jauh ketinggalan, segala usaha sudah tidak dapat mendatangkan hasil. Demi menahan tampanan [daripada kuasa imperialis], memajukan pendidikan hanyalah satu-satunya jalan keluar. Pada dewasa ini, orang suci dan wira bangsa tidak lagi dapat diharapkan, tanggungjawab untuk mempertingkatkan pendidikan hendaklah dipikul oleh setiap individu biasa. Selagi negara ini belum hancur, tanggungjawab ini tetap wajib dipikul. Kita harus melaksanakan kewajipan ini, agar tidak menyesal kemudian sekiranya negara kita hancur kelak.⁶⁶

Justeru itu, Li Dazhao telah melihat pelajarannya di Jepun sebagai satu kaedah menuaikan tanggungjawabnya. Namun, pembelajaran formalnya di Universiti Waseda

⁶³ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 72.

⁶⁴ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 15.

⁶⁵ Ibid..

⁶⁶ "Fengsu" (Resam), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 671.

sebenarnya hanya berterusan selama satu tahun sahaja, sebelum beliau menamatkan pengajiannya di perantauan atasan desakan perubahan keadaan politik.⁶⁷ Akan tetapi, ganjaran penjelajahannya ke Jepun tidak harus diukur dari sudut pandangan pendidikan formal di Universiti Waseda sahaja. Pendedahan di luar kuliah universiti telah banyak memberi manfaat kepada Li Dazhao.

2.5 Memberi ulasan tentang perkembangan politik negara dari seberang laut

Di Jepun, Li Dazhao telah berkenalan dengan seorang sarjana dan penerbit akhbar yang terkenal, Zhang Shizhao. Zhang Shizhao dengan pengalamannya belajar di Jepun dan Britain, telah menguasai sejarah idea politik dan sistem politik dan undang-undang di Barat. Beliau telah banyak menerbitkan akhbar-akhbar yang berkisar tentang kritikan terhadap keadaan sosio-politik. Selepas menghadapi kegagalan dalam gerakan anti-Yuan Shikai, beliau melarikan diri ke Jepun, dan menerbitkan majalah bulanan, *Majalah Harimau (Jiayin Zazhi)* pada Mei 1914.⁶⁸

Li Dazhao sebenarnya sedia mengenali Zhang Shizhao menerusi akhbar *Mingguan Merdeka (Duli Zhoubao)* terbitan Zhang Shizhao. Di dalam sepucuk surat yang dikirimkan oleh Li Dazhao kepada Zhang Shizhao, Li mengatakan bahawa dirinya gemar membaca akhbar *Mingguan Merdeka* dan mengagumi pandangan Zhang, sehingga menganggap Zhang sebagai guru dan kawan karib yang sentiasa dapat menjawab kemosykilan Li sendiri. Li berasa amat gembira apabila mendapat tahu tentang berita penerbitan *Majalah Harimau*,

⁶⁷ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 52-54.

⁶⁸ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 80. *Majalah Harimau (Jiayin Zazhi)* telah diasaskan pada bulan Mei 1914 di Tokyo, Jepun, dengan nama Inggerisnya, "TIGER". Majalah ini telah dihentikan pada Oktober 1915, sempena keluarannya yang kesepuluh, menurut penjelasan nota kaki dalam *LDZWJ*, Jilid 1, hlm 406.

lebih-lebih lagi disebabkan majalah itu terbitan Zhang Shizhao.⁶⁹ Dapat dilihat bahawa, Li Dazhao adalah begitu menyanjung tinggi Zhang Shizhao pada ketika itu dan pengaruh Zhang Shizhao terhadap perkembangan intelektual Li Dazhao pada peringkat tersebut adalah begitu penting.⁷⁰

Sebenarnya, hubungan akrab antara Li Dazhao dengan Zhang Shizhao telah dimulakan dengan sebuah rencana karangan Li, berjudul “Resam” (Fengsu) yang disiarkan di *Majalah Harimau* pada 10 Ogos 1914. Rencana berkenaan telah mendapat pujian daripada Zhang Shizhao, lalu Zhang menulis surat kepada Li Dazhao untuk mengajak Li bagi perjumpaan julung kali mereka di pejabat penyuntingan *Majalah Harimau*.⁷¹ Rencana “Resam” tersebut membincangkan pertalian adat resam dengan nasib negara. Dengan membentangkan contoh-contoh yang pro dan kontra, Li Dazhao memperjelaskan hubungan yang saling kait-mengait antara komuniti dengan individu, serta menyatakan azam mengekalkan resam masyarakat yang telah menjadi sistem sosial yang membentuk integrasi komuniti. Dalam menyatakan kebimbangannya mengenai lenyapnya perpaduan runtuhan bangsa, beliau telah menulis ungkapan bahawa:

Kepiluan yang paling besar adalah dengan putus asanya harapan seseorang untuk terus hidup. Kesedihan yang besar merupakan kelesapan rumpun bangsanya bagi sesebuah komuniti manusia. Jika sekelompok orang putusnya harapan untuk hidup, maka rumpun bangsanya juga akan lenyap. Buat masa ini, mereka bimbang akan hancurnya negara, tetapi tidak sedar bahawa rumpun bangsanya sudah lenyap. Dengan lenyapnya bangsa, negara itu meskipun belum hancur tetapi akan hancur, dan semestinya akan hancur. ... Sekiranya bangsa itu sanggup menerima akan kelesapannya, apa lagi yang boleh diperkatakan? Sekiranya tidak, maka tanggungjawab untuk membela nasib bangsanya mesti dijadikan kewajipan setiap individu.⁷²

Dapat dilihat bahawa, Li Dazhao yang berada di perantauan, tetap menunjukkan semangat patriotik yang tinggi dengan sentimen prihatin akan nasib bangsanya yang sentiasa

⁶⁹ “Wujia yu huobi goumaili — Zhi Jiayin zazhi jizhe” (Harga barang dan kuasa beli matawang - kepada pemberita majalah *Jiayin zazhi*), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 672.

⁷⁰ Zhu Chengjia telah menjelaskan pengaruh Zhang Shizhao ke atas Li Dazhao dari pelbagai aspek dalam huraian yang panjang lebar. Sila rujuk Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 54-73.

⁷¹ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 82.

⁷² “Fengsu” (Resam). *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 666.

hangat. Harus diberi perhatian bahawa, Li Dazhao yang menjadi penuntut pendidikan moden, yang turut mempamerkan sifat keintelektualan tradisional China, tetap berpegang kepada tuntutan untuk membangunkan negara menerusi modenisasi pendidikan rakyat dan peningkatan tahap penguasaan ilmu pengetahuan khalayak ramai secara keseluruhannya.

Pengasasan *Majalah Harimau* oleh Zhang Shizhao adalah berobjektifkan pemeliharaan demokrasi dengan perbincangan soal politik secara pragmatis. Persahabatan antara Li Dazhao dengan Zhang telah memberi pengaruh yang besar kepada Li Dazhao.⁷³ Li Dazhao cenderung menulis rencana-rencana yang menganalisa dan mengkritik kelemahan-kelemahan politik semasa China dengan tujuan memberi sumbangan kepada pembangunan politik China moden.

Li Dazhao sememangnya berasa hampa terhadap pemerintahan Republik China di bawah rejim Kerajaan Nasionalis. Beliau menaruh harapan kepada masyarakat umum untuk melakukan reformasi, bermula dari sanubari setiap individu. Justeru itu, beliau bukan hanya menyeru masyarakat China agar mengubah sikap dan adat resam yang sedia wujud, tetapi juga memberi tumpuan kepada pembentukan norma sosial baru dari segi politik.

Dalam satu rencana yang dikirimkannya ke Beijing dan disiarkan pada 1 November 1914, Li Dazhao menyatakan bahawa, persaingan politik di dalam negara sudah terpesong dari trek yang sepatutnya. Parti GMD sungguhpun mempunyai elit-elit yang berkaliber dan sudi menyumbangkan kebolehan mereka untuk membina negara, tetapi parti tersebut tidak pandai memanfaatkan situasi yang memihak kepada mereka untuk membentuk suatu landasan persaingan politik yang aman tenteram. Sebaliknya, perkembangan yang seterusnya telah membawa kepada pengorbanan nyawa dan keruntuhan pemerintahan politik. Semua angka itu disebabkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak Parti GMD.⁷⁴ Justeru itu, beliau menggesa agar rakyat umum dapat membentuk satu kuasa penentangan yang berkesan dalam

⁷³ Mengenai pengaruh Zhang Shizhao terhadap Li Dazhao, boleh merujuk Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaogi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Moden), hlm 57-73.

⁷⁴ "Zhengzhi duikangli zhi yangcheng" (Pembentukan kuasa penentangan politik), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 681.

politik agar mengekang penyelewengan kuasa pihak kerajaan pemerintah supaya mencapai suatu keseimbangan dalam kuasa politik.

Li Dazhao menyarankan rakyat segenap lapisan agar menegakkan keadilan sosial, serta tidak dipengaruhi oleh sebarang pancingan material dan autoriti, demi menjanakan suatu kuasa politik massa yang mantap, yang sememangnya dibenarkan di sisi perlembagaan bagi mengimbangi kuasa politik di dalam negara.⁷⁵ Beliau melanjutkan hujahannya dengan menyatakan bahawa:

Dalam pengalaman saya mengkaji situasi-situasi lama dalam sejarah silam, mahupun meneliti trend-trend perkembangan semasa, didapati bahawa silih bergantinya ataupun bangkit runtuhnya sesuatu pemerintahan, transformasi sosial atau reformasi keagamaan, tiada satupun yang tidak berasaskan perubahan pemikiran manusia. Adunan pemikiran tersebut akan menjadi satu kuasa kontemporari. Yang melambangkan kuasa kontemporari itu, tidak kira ianya seorang tokoh atau satu bentuk sistem, masing-masing hanya merupakan lambang kepada pemikiran khalayak umum sahaja. Bagi kes Kejatuhan Empayar Rome ataupun pembentukan Empayar Arab, jika ditinjau dari fenomena luarannya, didapati mungkin disebabkan oleh pencerobohan seteru asing, atau keruntuhan dinastinya, namun sebab yang sebenarnya terletak pada perubahan pemikiran rakyatnya. Seperti juga revolusi di negara kita, kepantasannya jarang kelihatan di dunia. Jikalau diteliti secara tenang dan rasional, didapati bahawa bukannya kerajaan Qing yang mempunyai pemerintah yang zalim, sedangkan tentera rakyat itu hanya sepasukan tentera sahaja. Namun, seruan kebangkitannya disahut ramai, sekiranya bukan disebabkan oleh perubahan dalam pemikiran rakyat, apakah pula sebabnya?⁷⁶

Dengan itu, jelas kelihatan bahawa Li Dazhao pada ketika itu, sudah mengenalpasti pemikiran khalayak umum sebagai asas kepada munculnya seseorang tokoh, sistem politik atau norma sosial, mahupun segala perubahan di dalam dunia sejagat. Beliau menegaskan bahawa, khalayak umum akan sedar akan hakikat sosial, tetapi kesedaran itu perlu dibentuk dengan sendirinya, iaitu hanya boleh dipupuk dengan inisiatif sendiri dan tidak boleh dipaksa. Berbalik kepada penekanannya terhadap pendidikan, beliau mengulangi pendiriannya untuk membangunkan pendidikan sebagai satu cara untuk membentuk kuasa penentangan politik

⁷⁵ Ibid., hlm 685.

⁷⁶ Ibid..

yang sihat ini.⁷⁷ Sejak awal-awal lagi, pandangan politik Li Dazhao sudah memperlihatkan kecenderungan populisme yang ketara.

Ketika Li Dazhao menyampaikan mesej reformasi sosial dengan memupuk kesedaran masyarakat umum agar mengambil bahagian dengan lebih aktif dalam urusan politik untuk menjuruskan perkembangan politik China ke arah yang demokratik, rejim Yuan Shikai telah merancakkan langkah ke arah pemerintahan kediktatorannya. Yuan yang selaku presiden sementara telah memaksa parlimen untuk memilihnya sebagai presiden yang tetap dan dengan rasmi memegang jawatan tersebut pada 10 Oktober 1913. Dengan mengetepikan perlembagaan, parlimen dan parti pembangkang, Yuan Shikai telah mencapai kediktatoran dalam erti kata yang sebenarnya menjelang tahun 1914.

Pada 18 Mac 1914, Yuan telah mengadakan satu persidangan kebangsaan untuk menyemak semula perlembagaan sementara 1912, dengan tujuan untuk menukar sistem kabinet kepada sistem presiden dan peruntukan kuasa kepada presiden. Di dalam dokumen perlembagaan baru yang diumumkan pada 1 Mei 1914, penggal presiden telah dilanjutkan kepada sepuluh tahun, dan boleh diperbaharui dengan cara pemilihan semula tanpa had bilangannya.⁷⁸ Memandangkan jentera kerajaan sudah berada di bawah penguasaannya, tindakan itu sebenarnya telah menjanjikan Yuan Shikai untuk menyandang jawatan presiden untuk seumur hidup. Dalam sebarang erti, Yuan telah bertindak sebagai maharaja, cuma tanpa gelaran yang sah sahaja. Tetapi, Yuan masih tidak berpuas hati. Rejimnya cuba sedaya-upaya untuk memulihkan pemerintahan monarki dengan pelbagai alasan, termasuk mengatur kaedah-kaedah tradisional untuk melegitimaskan tuntutannya sebagai pewaris yang sah dalam sistem monarki.⁷⁹ Yuan Shikai telah memungkiri janjinya untuk membela nasib republik itu dengan menolak sebarang cubaan pemulihan monarki, ketika menerima jawatan presiden sementara.

⁷⁷ Ibid., hlm 687.

⁷⁸ Sila rujuk Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm 478-479.

⁷⁹ Sila rujuk Lin Yü-sheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Antitraditionalism in the May Fourth Era* (Madison: University of Wisconsin Press, 1979), hlm 22-23.

Barangkali, pernyataan bahawa situasi China tidak sesuai untuk pelaksanaan demokrasi telah menjadi taktik alasan golongan pembela pemerintahan kediktatoran untuk melegitimaskan pemerintahan mereka semenjak Revolusi 1911. Frank Johnson Goodnow, seorang Profesor dalam sains politik dari Amerika Syarikat telah diundang sebagai penasihat Yuan Shikai. Goodnow berpendapat bahawa, China tidak sesuai untuk mengadaptasi bentuk kerajaan berperwakilan ala republik Barat disebabkan oleh tradisi politik dan adat sosial. Sekurang-kurangnya pada ketika itu, satu bentuk kerajaan ala monarki masih diperlukan bagi memenuhi kehendak politik China.⁸⁰ Di samping itu, seorang lagi penasihat asing Yuan Shikai, Ariga Nagao juga menyampaikan pandangan yang serupa dengan Goodnow yang menyokong bentuk pemerintahan yang lebih bercirikan monarki. Dengan itu, Li Dazhao telah membidas pandangan kedua-dua penasihat asing itu dengan kritikan dan bantahan yang keras.

Li Dazhao telah menyatakan bahawa, tidak kira betapa ikhlasnya penasihat-penasihat asing tersebut memberikan pandangan dan cadangan mereka terhadap situasi masyarakat China, tetap ada batasan yang ketara. Mereka akan membincangkan soal China dengan berlandaskan tafsiran dan kepentingan negara masing-masing.⁸¹ Beliau melihat pandangan mereka sebagai pendapat individu asing, dengan menggariskan kesilapan-kesilapan yang timbul dalam penulisan mereka. Li Dazhao membidas tafsiran Goodnow yang silap mengenai tradisi politik China dan norma sosial masyarakat tradisional China. Beliau berhujah bahawa, masyarakat tradisional China tidak mempunyai sangkutpaut yang erat dengan rejim pemerintahan, banyak perkara dan isu pertikaian diselesaikan menerusi institusi keluarga, maka rakyat dapat menjauhkan diri daripada penglibatan kuasa politik. Namun, masyarakat moden telah mengalami banyak perubahan, hal-hal ehwal kerajaan adalah banyak lagi rumit, beban rakyat telah menjadi lebih berat, dan ikatan antara kuasa pemerintahan negara dengan

⁸⁰ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 16.

⁸¹ "Guoqing" (Situasi negara), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 688. Rencana ini telah disiarkan di *Majalah Harimau* pada 10 November 1914.

sebagai gred ketiga dengan menduduki tangga keempatpuluhan di antara seratus dan enam orang pelajar yang mengambil peperiksaan. Pencapaiannya di dalam pengajian ekonomi adalah lebih menggalakkan secara relatifnya.⁸⁵ Bermula dengan pengajian tradisional pra-sekolah di kampung halamannya, hingga pengajian tinggi ala moden di Jepun, Li Dazhao telah melalui proses pendidikan yang menyediakannya atas yang kukuh dalam pengajian tradisional China, serta pendedahan yang menyeluruh terhadap pengajian ekonomi politik moden yang termaju. Di samping itu, dalam proses pembelajaran tersebut, Li Dazhao turut didedahkan dengan perkembangan semasa negara China yang sarat dengan pelbagai halangan dalam modernisasi. Tumpuan perhatiannya mula beralih ke arah reformasi tanahairnya. Segala atas ilmu yang terbentuk selama itu hanya merupakan instrumen yang wajib dilengkapinya untuk memulakan misi menggerakkan reformasi dan modernisasi negara. Maka tidak hairan bahawa Li Dazhao kelihatan lebih cenderung untuk bertindak sebagai seorang pemimpin aktivis pelajar dengan tujuan “menyelamatkan negara” daripada menjadi seorang pelajar yang mengutamakan kajian ilmiah. Kecenderungan tersebut barangkali merupakan misi zaman yang wajib dipikul oleh setiap intelektual China pada awal kurun keduapuluhan.

⁸⁵ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 140.